



18 JAN, 2025

Ladang solar di UK kepakaran Malaysia

Kosmo, Malaysia



ANWAR berucap pada majlis pelancaran ladang solar Eastfield dan Bunkers Hill berkapasiti 102 megawatt (MW) di UK semalam.

Ladang solar di UK kepakaran Malaysia

- **TNB yakin mampu paku penyelesaian tenaga lestari**
- **Tarik lebih banyak pelaburan dalam bidang tenaga boleh diperbaharu**

Oleh ZULKIFLI MANZOR

PETALING JAYA – Ladang solar Eastfield dan Bunkers Hill berkapasiti 102 megawatt (MW) oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) di United Kingdom (UK) memamerkan kepakaran Malaysia dalam memacu penyelesaian tenaga lestari di seluruh dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang kini dalam lawatan kerja di negara berkenaan berkata, TNB memiliki, membangun dan mengendalikan aset tenaga boleh diperbaharui di seluruh UK dan Ireland.

“Syabas dan sekalung penghargaan kepada TNB,” katanya

dalam satu hantaran di media sosial semalam.

Katanya, kerjasama tenaga serantau melalui Grid Kuasa ASEAN akan memberi manfaat kepada teknologi baharu dalam memajukan peralihan tenaga rantau ini.

Justeru katanya, usaha dalam bidang itu termasuk di UK pasti bermanfaat disokong dengan kajian dan penerokaan TNB dan daya cipta daripada pemain korporat serta para profesional bagi menarik lebih banyak pelaburan dalam bidang tenaga boleh diperbaharui.

Kata beliau, impaknya kelak akan memberi kesan positif kepada ekonomi negara dalam jangka masa panjang, sekali gus meletakkan Malaysia sebagai destinasi industri peralihan tenaga utama.

Dalam hantaran berasingan, Perdana Menteri berkata, misi lawatan kerja beliau ke UK semalam diteruskan melalui pertemuan dengan beberapa syarikat

utama di negara tersebut.

Kata Anwar, syarikat itu antaranya Standard Chartered PLC, Jaguar Land Rover Automotive PLC, Raw Energy dan Yondr yang merupakan platform kritikal bagi memperbaharui dan menerokai peluang perniagaan, pelaburan dan perdagangan di Malaysia.

“Moga pertemuan ini dapat melonjakkan prestasi ekonomi negara ke tahap lebih baik, insya-Allah,” katanya.

Anwar turut memaklumkan beliau dan delegasi sempat singgah di Battersea Power Station yang dimiliki oleh konsortium syarikat-syarikat Malaysia terdiri daripada Permodalan Nasional Bhd. (PNB), Sime Darby Property, SP Setia Bhd dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Kata beliau, ketersediaan segala infrastruktur di situ mampu menarik dan mengembangkan pulangan pelaburan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) terbabit ke tahap lebih tinggi di masa hadapan.